



JABATAN KESELAMATAN DAN KESEHATAN PEKERJAAN
MALAYSIA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
ARAS 2.3 & 4 BLOK D3, KOMPLEKS D
PUSAT Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62550 W.P. PUTRAJAYA

Tel: 03-88865000
Fax: 03-88892444
Email: jkkp@mohr.gov.my
Web: <http://www.dosh.mohr.gov.my>

Ruj. Tuan : DA/SRSB/SC4000DD/06012014

Ruj. Kami : JKPP IS 127/453/3-201423605(6)

Tarikh : 21-Feb-2014

Pengurus,
Scan-Rent Sdn Bhd.
C2-4F Jalan Ampang Utama 1/1,
Off Jalan Ampang,
68000 Ampang,
Selangor.

Tuan,

Kelulusan Rekabentuk Mesin Angkat 'Mast Climbing Work Platform'

Pembuat : Oy Scaninter Nokia Ltd, Finland

Model : SC4000

No. Pelan : V-00.00.00, V-01.00.00A, V-03.00.00A & V-13-01.00

Beban Kerja Selamat
Maksimum /Panjang Pelantar:

Single Mast	Twin Mast
2000 kg / 4.2 meter	4200 kg / 11.9 meter

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada surat tuan bertarikh 07-Jan-2013 berhubung perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa rekabentuk mesin angkat di atas telah diluluskan menurut spesifikasi pembuat tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- i). Mesin angkat ini **mestilah didirikan, diselenggara dan dirombak oleh firma yang berdaftar** dengan Jabatan ini.
- ii). Semua alat-alat keselamatan mesin angkat ini mestilah dipasang menurut spesifikasi pembuat dan hendaklah diuji dan disahkan betul serta di dalam keadaan yang baik oleh firma yang mendirikan mesin angkat tersebut. Alat keselamatan tambahan bagi memastikan mesin angkat ini terhenti apabila pergerakan pelantarnya terhalang hendaklah dipasang.
- iii). Kerja-kerja memasang, menyelenggara, meninggi dan merombak mestilah dijalankan mengikut spesifikasi pembuat serta mengikut praktik kejuruteraan yang baik dan selamat di bawah pengelolaan Orang Bertanggungjawab yang masih diiktiraf oleh Jabatan ini. Segala rekod mengenai kerja-kerja di atas hendaklah disimpan dengan baik dan mudah untuk diperolehi apabila dikehendaki.

- iv). Mesin angkat ini hendaklah **diperiksa oleh Orang Bertanggungjawab** pada tiap-tiap kali sebelum digunakan. Laporan pemeriksaan hendaklah disimpan dengan baik dan mudah diperolehi jika diperlukan.
 - v). Apa-apa kerosakan yang boleh membahayakan pekerja, hartabenda dan orang awam hendaklah dilaporkan dengan segera ke Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan tempatan.
 - vi). Mesin angkat ini hendaklah lulus ujian fungsi alat-alat kawalan keselamatan pada beban kerja selamat maksimum dan juga lulus ujian beban lampau pada 125 % beban kerja selamat maksimum. Ujian-ujian tersebut mestilah disaksikan oleh Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.
 - vii). Mematuhi apa-apa syarat tambahan Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.
3. Kelulusan ini boleh ditarik balik pada bila-bila masa di atas budi bicara Ketua Pengarah, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.
4. Sila berhubung dengan Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan tempatan di mana mesin angkat ini dipasang untuk mendapatkan kebenaran memasang dan memeriksa mesin angkat ini.

Sekian, terimakasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(MOHD ZAHARI BIN HITAM)

b.p. Ketua Pengarah,
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Malaysia.

s.k. Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Selangor